

## Langkah Mudah Berjimat Dengan Teknik Sampul



Oleh: Siti Nornajihah Binti Karponan

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 2 Ogos 2021*



Gambar hiasan.

Berjimat cermat merupakan amalan yang baik. Pelbagai langkah berjimat cermat dikongsikan dalam media sosial untuk dijadikan sebagai panduan.

Salah satu langkah yang boleh digunakan adalah teknik 'sampul'. Mungkin teknik ini jarang digunakan kerana ramai orang lebih gemar menyimpan wang di dalam bank.

Teknik 'sampul' digunakan sebagai salah satu kaedah untuk mengawal perbelanjaan dan ia boleh dibahagikan kepada empat jenis sampul.

Sampul yang pertama adalah 'sampul kecemasan' di mana kita perlu memasukkan sekurang-kurangnya RM5 setiap minggu. Jadi, kita dapat menyimpan sekurang-kurangnya RM20 sebulan atau RM260 setahun.

Duit yang disimpan itu hanya untuk kegunaan ketika kecemasan sahaja seperti kemalangan, jatuh sakit atau membaiki kereta yang rosak.

Walaupun nilainya tidak banyak, sekurang-kurangnya kita mempunyai duit sokongan. Masukkan RM5 ke dalam sampul kecemasan sebaik sahaja kita menerima gaji atau elaun.

Selain itu, kita juga harus menyediakan 'sampul belanja harian'. Jumlah yang dicadangkan adalah antara RM300 hingga RM500 sebulan, bergantung kepada lokasi. Jika kita tinggal di bandar raya seperti Kuala Lumpur, jumlahnya pasti lebih tinggi.

Senaraikan setiap perbelanjaan yang dilakukan dengan wang yang keluar dari sampul ini agar kita bersikap lebih berhati-hati dan tidak berbelanja sewenang-wenangnya.

Elakkan daripada membuat pembelian panik, lebih-lebih lagi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini. Rancang perbelanjaan harian secara teratur dengan mengutamakan keperluan berbanding kemahuan.

Wang yang berbaki dari sampul belanja harian seterusnya perlu dimasukkan ke dalam 'sampul simpanan'. Pakar-pakar ekonomi menyarankan agar 10 peratus daripada pendapatan bulanan disimpan.

Jumlah tersebut perlu dimasukkan ke dalam sampul simpanan sebelum menyelesaikan komitmen bulanan seperti bayaran ansuran pinjaman rumah atau kereta.

Memang ramai yang lebih gemar menyimpan di dalam bank. Namun, kita mungkin terdorong pula untuk membeli secara dalam talian dengan menggunakan kaedah perbankan elektronik.

Wang dalam sampul simpanan ini hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan yang besar dan penting seperti membayar deposit sewa rumah atau melunaskan pinjaman pelajaran.

Sampul yang terakhir adalah ‘sampul peribadi’. Kita boleh memasukkan antara RM100 hingga RM200 sebulan ke dalam sampul ini.

Wang yang disimpan boleh dibelanjakan untuk melepak bersama rakan-rakan, membeli pakaian baharu, berlibur dan membeli barangan berkaitan hobi masing-masing. Baki dari sampul ini boleh dimasukkan pula ke dalam sampul simpanan.

Teknik sampul sebenarnya hampir serupa dengan amalan menabung yang bertujuan menyediakan wang untuk kegunaan pada masa akan datang.

Apa yang penting, kita seharusnya mempunyai disiplin diri yang kuat bagi memastikan amalan menabung melalui teknik sampul ini dilakukan secara konsisten.